

- (c) Maklumat sama ada Kerajaan bertanggungjawab terhadap sebarang kelambatan dan sekiranya ada, sama ada satu lanjutan masa yang munasabah telah diberikan dan sama ada dijangka terdapat sebarang sebab kelambatan yang mana Kerajaan mungkin bertanggungjawab.

11.5 Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk Meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap.

11.5.1 Pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap⁴ adalah seperti mana di Bab 9 - Lampiran 9D .

11.6 Pengedaran Perakuan Kerja Tidak Siap.

Setelah Perakuan Kerja Tidak Siap diluluskan, salinan asalnya (tanpa Lampiran 11C) mesti dihantar kepada Kontraktor. Satu salinan juga mesti diedarkan kepada pihak-pihak yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut.

11.7 Keperluan Memantau Kemajuan Kerja Dengan Lebih Rapi Setelah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Dikenakan

11.7.1 Pemantauan rapi ke atas kemajuan Kerja Kontraktor adalah menjadi lebih penting apabila Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan telah dikenakan.

11.7.2 Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan ini mesti tidak dibenarkan terkumpul bagi satu tempoh masa yang lama sehingga ia menjadi satu bebanan kepada semua pihak. Jika sekiranya prestasi Kontraktor menunjukkan yang dia tidak mungkin dapat menyiapkan kerjanya, tindakan serta merta mesti diambil untuk penamatan kerja.

11.8 Pengecualian Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan Kepada Kontraktor Bumiputera⁵

11.8.1 Kementerian Kewangan telah memutuskan bahawa pengecualian bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan diberi bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan

⁴ Surat Edaran KPKR Bil(24) dlm. JKR. KPKR:020.050/03 Klt.7 bertarikh 4.10.2006

⁵ Surat Pekeliling Perbendaraan Bil. 8/95